

23/10/1998

Sikap angkuh Amerika dibidas

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia membidas dua ahli kongres Amerika Syarikat yang menganggap hak asasi manusia dan langkah ekonomi negara sebagai tidak baik dan melanggar prinsip hak asasi manusia.

Sambil menganggap kenyataan itu sebagai angkuh dan sombong, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menjelaskan Amerika tidak perlu menunjuk ajar Malaysia mengenai tindakan yang perlu dilakukannya.

"Kita kesal dan tidak senang hati dengan sikap ini. Ini menunjukkan sikap sombong angkuh dan suka menunjuk ajar. Orang cuba nak ajar kita mengenai apa yang kita lakukan," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat dua hala Malaysai-Ethiopia di Jabatan Perdana Menteri, hari ini.

Beliau mengulas tindakan dua ahli kongres Republican Amerika Syarikat, Ben Gilman dan Doug Bereuter, yang menulis surat kepada Clinton mendesak beliau memindahkan lokasi Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang dijadual berlangsung di sini bulan depan, ke negara lain.

Jika gagal, mereka mendesak Clinton bercakap lantang bagi membidas dasar ekonomi dan hak asasi manusia yang diamalkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika di negara ini.

Abdullah berkata, Amerika harus melihat diri sendiri yang melaksanakan undang-undang tanpa mengambil kira wilayah dan kedaulatan negara lain seperti Undang-undang Helms Burton dan D'Amato.

(Undang-undang itu membolehkan Amerika bertindak terhadap firma yang menjalankan urusan perdagangan atau pelaburan dengan negara tertentu yang ditetapkannya).

"Tiada siapa yang sokong. Eropah pun menentang undang-undang itu. Jadi, dia patut fahamlah. Jangan terlalu cepat menuduh orang lain sebagai 'menyusahkan orang lain'. Buat itu tak kena, ini tak kena. Ini double standard.

"Kita ingin menjelaskan apa yang kita lakukan ialah untuk kepentingan negara kita. Kita tidak berhajat menyalahi atau menyusahkan mana-mana negara. Itu bukan niat kita.

"Padahal, apa yang kita lakukan bukan menuju kepada mana-mana negara atau kepentingan. Ini untuk mempertahankan ekonomi kita sendiri. Apa yang kita lakukan juga tidak menghalang pengaliran pelaburan jangka panjang di sini," katanya.

Abdullah berkata, mereka juga berhak menasihatkan Clinton untuk tidak datang ke negara ini.

"Tetapi dalam dalam hal ini, Presiden Clinton sudah pun menyatakan yang beliau akan menghadiri persidangan Apec," katanya.

Mengenai Jabatan Negara Amerika yang sering mengulangi kenyataan kehadiran Clinton hanya untuk Apec dan bukan lawatan rasmi atau negara, Abdullah berkata, tidak timbul kekeliruan mengenai perkara itu.

"Kita pun faham...kita tak perlu diperingatkan berulang kali. Kalau ada lawatan negara atau rasmi tentulah perkara ini dah dimaklumkan awal-awal untuk tujuan persediaan," katanya.

Ketika ini, katanya, tiada cadangan sama ada Clinton dan Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dua hala.

Mengenai kajian Wisma Putra berhubung tindakan undang-undang yang boleh dikenakan ke atas bekas Ketua Pemuda Umno Pulau Pinang, Dr Abdul Rahim Ghouse, yang berada di luar negara untuk berkempen memburukkan negara, perkara itu mempunyai sedikit masalah.

(END)

